



Tun Hussein rasmi rumah UMNO Labis

● **BEKAS** Perdana Menteri, Tun Hussein Onn senyum menerima taburan bunga dari ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO setibanya di Labis untuk merasmikan bangunan UMNO Bahagian itu petang semalam.

Ketibaan beliau dengan helikopter, bersama isterinya, Toh Puan Suhaila, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang juga Ketua UMNO Bahagian Labis dan Ketua Perhubungan Negeri Johor.

Turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat, Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat dan Ahli-ahli Majlis Kerja Negeri. — Gambar Berita Harian.